



KENYATAAN TENDER
NO. TAWARAN: KADA (P) T4/2022

1. Tawaran adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred G7 di bawah Pengkhususan CE06 & M22 & E04 & E05 & E17 & E18 yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

MEMBINA DAN MENYIAPKAN STESEN PAM KEMUBU 3 DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DALAM KAWASAN KADA JAJAHAN KOTA BHARU SELATAN, KOTA BHARU, KELANTAN.

2. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran diatas dikehendaki berkumpul di Auditorium, Ibu Pejabat KADA, Jalan Dato' Lundang, Kota Bharu, Kelantan, pada **Jam 10.00 pagi, 20/07/2022 (Rabu)** untuk pendaftaran & taklimat. Hanya penama yang tercatat di dalam sijil PPK dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak. Kontraktor/ Syarikat tidak boleh mewakili pegawai selain penama yang ada dalam PPK dan SPKK
Taklimat dan Tapak adalah diwajibkan.
3. Dokumen Meja Tender akan dipamerkan di Pejabat Bahagian Kejuruteraan Awam, KADA pada waktu pejabat mulai **25/07/2022.**
4. Satu set Dokumen Tender berharga **RM500.00**(Ringgit M'sia: Lima Ratus Sahaja) yang tidak akan dikembalikan, boleh dibeli di Bahagian Pengurusan, Ibu Pejabat KADA mulai dari **25/07/2022 hingga 28/07/2022.** Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/Wang Pos atau Wang Tunai. Draf Bank/Wang Pos dibuat di atas nama Pengurus Besar KADA.
5. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil kontraktor yang telah menghadiri Taklimat dan Lawatan Tapak sahaja. Kontraktor hendaklah membawa sijil asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan *satu salinan* bagi setiap sijil tersebut semasa membeli dokumen tender.
6. Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bermetri serta ditulis No. Tender KADA(P)T4/2022 kepada Pengurus Besar, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu, Peti Surat 127, 15710 Kota Bharu, Kelantan dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tender di Bahagian Pengurusan, KADA pada atau sebelum **Jam 12.00 tengahari 25/08/2022(Khamis)**
Tawaran yang lewat diterima tidak akan dilayan.
7. KADA tidak akan terikat dengan mana-mana tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
Kelantan.

Bertarikh : 03 Julai 2022.